

Borang Nyata Cukai

Kesalahan dan Penalti



Bersama
SALIHIN ABANG
 CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IUM)
 Asna Tax Services Sdn Bhd
 www.salihin.com.my

KEPADA semua pembayar cukai, musim cukai pendapatan telah datang lagi. Bulan April hingga Jun adalah bulan yang agak sibuk bagi pembayar cukai. Pada waktu inilah pembayar-pembayar cukai dikehendaki memfailkan borang cukai mereka.

Tanggal 30 April adalah tarikh akhir bagi menghantar Borang BE untuk Penggajian atau individu makan gaji. Sementara akhir bulan

Jun adalah tarikh terakhir untuk menghantar Borang B bagi individu yang menjalankan aktiviti perniagaan dan Borang C dan R bagi syarikat yang tahun kewangannya berakhir pada 31 Disember 2006 (Akta Cukai Pendapatan (ACP) Seksyen 77(1) dan Seksyen 77A(1)).

Kelewatan menghantar borang-borang tersebut dari tarikh yang sepatutnya akan menyebabkan pembayar cukai didenda atas kelewatan (sila rujuk jadual penalti di bawah

ACP, Subseksyen 112(3).

Secara ringkasnya, untuk tahun Taksiran 2006, ada beberapa perubahan yang perlu diambil kira sebelum menyerahkan borang retan. Perkara ini adalah termaktub dalam 2006 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada pembentangan bajet yang lalu.

1. Sebelum Tahun Taksiran 2006, pembayar cukai individu diberi pelepasan sebanyak RM4,000

Kadar Penalti di bawah Subseksyen 112(3)

A. Kes penggajian (SG) (kecuali Pengarah Syarikat terkawal)

Kesalahan	Kadar atas cukai yang dikenakan	Min (RM)	Mak(RM)
Pertama	2%	50	100
Kedua	5%	100	200
Ketiga	10%	150	300
Keempat	10%	200	500
Kelima	10%	250	750
Keenam	15%	300	1,000
Ketujuh	15%	350	1,500
Kelapan	15%	400	2,000
Kesembilan	15%	450	2,500
Kesepuluh dan seterusnya	20%	500	3,000

B. Kes bukan penggajian (termasuk Pengarah syarikat terkawal)

Kesalahan	Kadar atas cukai yang dikenakan	Min (RM)	Mak(RM)
Pertama	5%	200	2,000
Kedua	10%	300	3,000
Ketiga	10%	500	5,000
Keempat	15%	600	6,000
Kelima	15%	800	8,000
Keenam	20%	1,000	1,000
Ketujuh	20%	1,200	12,000
Kelapan	20%	1,500	15,000
Kesembilan	20%	1,800	18,000
Kesepuluh dan seterusnya	20%	2,000	20,000

Bajet 2006 untuk borang nyata Tahun Taksiran 2006 - individu



• Bagi pekerja yang makan gaji perlu menghantar borang BE pada 30 April - Gambar Hiasan

untuk setiap orang anak yang menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan dan RM1,000 bagi setiap anak yang menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia. Pada Tahun Taksiran 2006 pelepasan cukai sebanyak RM4,000 setahun diberi secara automatik bagi setiap anak yang belajar pada peringkat diploma dan ke atas institusi pengajian tempatan dan luar negara yang diiktiraf.

2. Bagi individu yang mempunyai anak kurang upaya yang menuntut di peringkat pengajian tinggi, di samping pelepasan individu sebanyak RM5,000, anak tersebut juga layak mendapat layanan pelepasan RM4,000. Ini adalah untuk memastikan layanan yang sama kepada semua individu.
3. Pada tahun taksiran 2005, pelepasan sehingga had maksimum RM5,000 setahun diberi kepada

pembayar cukai individu ke atas yuran pengajian bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang sains, teknikal, vokasional, pembangunan kemahiran perindustrian serta teknologi maklumat dan komunikasi. Bagi tahun Taksiran 2006, had maksimum itu diperluaskan pada pengajian profesional, perakaunan dan undang-undang.

Perkara di atas hendaklah disemak dan dimanfaatkan oleh pembayar cukai individu sebelum mereka menghantar borang retan mereka.

Apakah yang terjadi setelah menghantar borang retan terdapat kesalahan atau kesusilaan?

Perkataan 'kesilapan' dan 'kesalahan' mempunyai maksud yang berbeza. Kesilapan merujuk kepada perbuatan yang tidak disengajakan

dan kesalahan merupakan perbuatan yang disengajakan (willful).

Di bawah Seksyen 113(1) ACP, 1967, individu termasuk orang perseorangan atau syarikat dengan sengaja meninggalkan atau mengurangkan pelaporan pendapatan atau memberi maklumat yang salah sehingga menyebabkan berkurangnya bayaran cukai adalah bersalah di bawah ACP, 1967. Individu tersebut boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM1,000 atau tidak melebihi RM10,000 dan dikehendaki membayar penalti khas sebanyak dua kali ganda daripada jumlah cukai yang berkurang.

Di bawah Seksyen 112(3) ACP, 1967, Ketua Pengarah LHDN boleh mengenakan penalti sebanyak tiga kali daripada jumlah cukai yang dikenakan.

Contohnya: Ahmad seorang peniaga pasar malam di Taman Melawati. Dia menerima Borang B pada 14.2.2005, tetapi Ahmad tidak mengembalikan borang tersebut hingga pada tahun 2006. Pada tahun 2005, cukai yang dikenakan pada Ahmad ialah RM50,000.

Di bawah ACP, 1967, Ahmad telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 77(1) atau Seksyen 77A(1) dan boleh dikenakan penalti di bawah Seksyen 112(3) di mana Ketua Pengarah LHDN boleh mengenakan penalti maksimum sebanyak RM150,000 (tiga kali).

Apa yang patut dilakukan oleh pembayar cukai sekiranya kesalahan dibuat dengan tidak sengaja? Ketua Pengarah LHDN mempunyai kuasa untuk mensabitkan kesalahan bagi



• Pelepasan cukai sebanyak RM4,000 diberi bagi setiap anak yang belajar di institusi pengajian tempatan dan luar negara - Gambar Hiasan

kes kurang lapor.

Bagi kes-kes di mana perbuatan itu dibuat dengan tidak sengaja, pembayar cukai hendaklah membuktikan kepada mahkamah mereka telah menghantar borang retan dengan "good faith" atau secara jujur. Apakah yang dikatakan "good faith" adalah menjadi tugas mahkamah untuk menentukannya.

Di bawah Sistem Taksiran Sendiri (SAS) adalah digalakkan pembayar cukai membuat laporan secara sukarela (voluntary disclosure) kepada pihak LHDN. Penalti yang dikenakan untuk kesalahan terkurang lapor adalah lebih rendah iaitu daripada 15 peratus ke 45 peratus jika dibandingkan dengan penalti di bawah Seksyen 112 dan 113 (sila rujuk pada buku Panduan Audit Cukai yang dikeluarkan oleh LHDN).

Kepada semua usahawan elakkan daripada memfailkan borang nyata pada saat-saat akhir. Banyak kemungkinan yang boleh berlaku seperti borang hilang, terkurang lapor dengan tidak sengaja dan sebagainya yang

bakal berlaku.

Kes-kes seperti merugikan pembayar cukai dari segi pembayaran penalti dan kompaun yang tidak sepatutnya. Seperti yang ditegaskan oleh Ketua Pengarah LHDN, Pn

Hasmah pada kenyataan akhbar yang lepas, 'tiada lanjutan masa dibenarkan untuk menghantar borang cukai pada tahun ini'. Oleh itu elakkan daripada dikenakan penalti lewat hantar. **US**



• Kelewatan membayar cukai akan didenda - Gambar Hiasan

Ruangan Soal Jawab Bersama Salihin Abang

Pada tahun 2002 saya bekerja di sebuah syarikat swasta dan telah membuat potongan cukai berjadual (PCB). Saya juga telah menghantar borang BE saya. Pada pertengahan tahun 2003, saya telah berhenti kerja kerana syarikat tempat saya bekerja mengalami masalah kewangan. Semenjak itu saya telah tidak bekerja hinggalah pada tahun lepas saya telah bekerja semula. Pada tempoh saya tidak bekerja saya tidak mengembalikan borang nyata cukai saya dan untuk beberapa tahun saya tidak memperolehi borang tersebut disebabkan pertukaran alamat. Apakah yang patut saya buat?

**Ahmad Fazrun,
Kuching, Sarawak.**

Kesalahan tidak menghantar borang nyata pendapatan boleh dikenakan sebagai kesalahan jenayah atau sivil atau kedua-duanya sekali di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Di bawah S.112 (1), pembayar cukai boleh dikenakan denda tidak kurang dari RM200 dan tidak lebih RM2,000. Di bawah S.112(3)a, pembayar cukai boleh dikenakan penalti tiga kali ganda daripada nilai cukai yang dikenakan.

Dalam kes ini, pada kebiasaannya pihak Ketua Pengarah LHDN akan menggunakan S. 90(2) 'best judgement' di mana pihak Ketua Pengarah menganggarkan sejumlah cukai yang boleh dikutip daripada pembayar cukai. Biasanya Ketua Pengarah LHDN akan menggunakan anggaran tahun sebelumnya dan seterusnya anggaran tahun-tahun ke hadapan. Ini menyebabkan jumlah cukai yang dikenakan mungkin tinggi daripada jumlah cukai yang sepatutnya. Sebelum pihak Ketua Pengarah mengeluarkan anggaran di bawah S90(2), adalah dinasihatkan pembayar cukai menghantar semua borang nyata cukai tahun-tahun sebelumnya. Pihak LHDN akan mengenakan denda lewat hantar.